

19/09/2000

Sekolah Wawasan dapat hapus sikap membenci

Amran Chik

PENUBUHAN Sekolah Wawasan nampaknya menjadi perbincangan hangat. Bagi orang Melayu, ia nampaknya tidak menimbulkan masalah kerana sudah faham tujuan dan kebaikannya.

Sudah lumrah, perkara baru pada mulanya akan menimbulkan pelbagai persoalan sama ada bersetuju atau pun tidak; atau adakah kewujudan sekolah itu benar-benar dapat menerajui pelajaran dan kemesraan rakyat yang berbilang kaum.

Masalah ini dapat dibandingkan dengan pelaksanaan kereta Proton Saga dulu. Sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rancangannya, sebilangan besar rakyat negara ini mempertikaikannya. Mereka ragu-ragu, sama ada usaha itu akan berjaya atau hanya angan-angan kosong. Malah tidak kurang juga yang menidakkan kewujudannya. Mustahil ia dapat dilakukan kerana pelaksanaannya itu memerlukan kos besar dan tidak termampu oleh negara.

Ada yang beranggapan, kemungkinan negara akan muflis. Kononnya, kereta buatan Malaysia tidak akan laku. Rakyat negara lain lebih mesra dengan kereta buatan luar negara.

Tetapi sebaik melihat beribu-ribu buah Proton Saga dengan pelbagai jenama canggih dan menarik bergerak di jalan raya, semua tutup mulut, malah tidak segan pula memilikinya.

Demikianlah halnya dengan penubuhan Sekolah Wawasan ini. Sesetengah kaum Cina dan Tamil nampaknya kurang yakin dengan kewujudannya meskipun berkali-kali diterangkan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad bahawa sekolah itu sama sekali tidak menolak bahasa Cina dan Tamil.

Ada pakar pendidikan Cina menunjukkan sikap tidak senang hati. Mereka bimbang konsep ini akan mengubah pentadbiran sekolah rendah vernakular.

Melihat keadaan itu, pemimpin kaum Cina dan Tamil perlu memainkan peranan, terutamanya ahli politik yang berkaliber dan disegani membantu pemerintah menerangkan kedudukan yang sebenarnya kepada masyarakat mereka. Adakan perhimpunan atau majlis perjumpaan, terangkan kedudukan sejelas-jelasnya tujuan penubuhan Sekolah Wawasan, semata-mata untuk kebaikan semua rakyat Malaysia. Sekolah itu sama sekali tidak akan menjejaskan identiti kaum khususnya di kalangan generasi muda.

Pentadbiran dan pembelajaran Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan akan berjalan seperti sediakala, tidak menjejaskan budaya dan kebudayaan masing-masing. Melayu tetap dengan KeMelayuannya. Begitu juga Cina dan India tetap dengan budaya masing-masing.

Kerajaan sama sekali tidak menggugat kewibawaan hidup kaum masing-masing, sebaliknya hanya mahu mengeratkan tali silaturahmi supaya seluruh rakyat negara ini seolah-olah hidup dalam satu keluarga kerana negara ini dibina atas dasar kerjasama semua kaum.

Hakikat ini juga dapat mempercepatkan lagi proses integrasi nasional di kalangan masyarakat majmuk.

Seperti kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Sekolah Wawasan ini sebenarnya bukan perkara baru, ia sudah diumumkan sejak 1995 lagi ketika pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kini ada dua model Sekolah Wawasan iaitu di Lurah Bilut Bentong, Pahang dan di Kota Tinggi, Johor yang sudah mencapai tahap kemajuannya. Ternyata rancangan kerajaan mencapai kejayaan.

Guru Besar sekolah berkenaan memberitahu, mereka bebas menjalankan pentadbiran masing-masing walaupun berkongsi kemudahan asas di dalam satu

kawasan berpagar. Berikutan kejayaan itu, maka rancangan ini akan diperluaskan sedikit demi sedikit hingga akhirnya ke seluruh negara.

Sebenarnya, tidak begitu susah untuk memahami konsep Sekolah Wawasan ini. Jika selama ini sekolah Melayu, Cina dan Tamil berada di tempat berasingan atau lebih difahami berada di dalam pagar masing-masing, maka pada kali ini ketiga-tiga jenis sekolah ditempatkan dalam satu kampus utama, menggunakan kemudahan yang sama atas konsep guna sama, termasuklah kantin sekolah, padang permainan dan dewan perhimpunan. Secara tidak langsung ia menjimatkan kos perbelanjaan negara.

Guru besar, guru, pembantu tadbir, tukang kebun, Lembaga Pengelola dan Persatuan Ibu-Bapa Guru (PIBG) adalah mereka yang sedia ada. Mereka perlu bersatu-padu, bekerjasama dalam semua hal demi kemajuan sekolah dan murid.